

23 APR 2002

BAHRAIN-SYARIKAT/I

AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA DAN BAHRAIN BENTUK USAHASAMA

DUBAI, 23 April (Bernama) -- Seorang ahli perniagaan Malaysia telah menubuhkan syarikat usahasama dengan usahawan Bahrain bagi mengeluarkan gasket perindustrian di Bahrain, demikian menurut laporan akhbar tempatan.

Syarikat usahasama itu Bahrain Technologam, dilancarkan dengan modal permulaan kira-kira RM1.0 juta dan akan mempunyai jumlah kapasiti pengeluaran tahunan 45 tonne.

Ia akan mengeluarkan gasket-gasket perindustrian untuk penggunaan industri minyak dan gas, tambah laporan akhbar Bahrain itu.

Rantau Teluk dan negara-negara Asia Barat yang lain akan menjadi pasaran sasaran Bahrain Technologam, yang akan dimiliki oleh rakyat Malaysia Mohammed Kamal Tahir dan rakan niaga warga Bahrain Mohammed Saleh Shaban.

Bahrain Development Bank (BDB) telah memberikan kemudahan kredit 45,000 dinar Bahrain (kira-kira RM 457,500) kepada syarikat baru itu.

Majlis menandatangani perjanjian pinjaman itu diadakan serentak dengan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bahrain. --

BERNAMA BERNAMA

SKH FR AA